

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 19 December, 2019 12:58 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MoA UUM-LZLNK Perkukuh Jalinan Kerjasama Dalam Aktiviti Penyelidikan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 DISEMBER 2019 / 22 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Afifah Ghazali
Gambar oleh: SMMTC

MoA UUM-LZLNK PERKUKUH JALINAN KERJASAMA DALAM AKTIVITI PENYELIDIKAN



UUM ONLINE: Pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) memberi ruang dan peluang yang luas kepada kedua pihak untuk memperkukuhkan jalinan kerjasama dalam merencanakan aktiviti penyelidikan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad yang mewakili Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Syeikh Zakaria Othman telah menandatangani MoA tersebut dengan disaksikan Ketua Pengarah Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Ruslan Said; Pengarah RIMC, Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf; Dekan IBS, Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md. Hussain dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Operasi Dakwah dan Kutipan LZNK, Mohd Faisal Mustaffa di Dewan Seminar A, SMMTC, kelmarin.

MoA yang dimeterai bagi tempoh 2018 hingga 2021 itu akan menggalakkan lagi aktiviti penyelidikan antara UUM dan LZNK khususnya dalam bidang berkaitan pengurusan zakat meliputi pelbagai kajian fundamental fiqh zakat, memperkasa kutipan dan agihan zakat, zakat untuk pembangunan pendidikan, tadbir urus zakat, penggunaan teknologi dalam pengurusan zakat, pengurusan kualiti, reformasi pengurusan zakat sehinggalah kepada model agihan zakat.

Pengarah Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Dr. Mohd Sollehudin Shuib berkata, sehingga kini, lebih RM600,000 telah diluluskan untuk penyelidikan bagi tahun 2018 dan 2019 merangkumi 47 kumpulan penyelidikan.

Menurutnya, bagi perundingan atau penyelidikan kontrak, tujuh kumpulan telah diluluskan untuk menjalankan perundingan dalam membantu LZNK dan masyarakat asnaf.

Katanya, dua kumpulan perundingan dari STML dan SMMTC telah memulakan perundingan berkaitan pembangunan pelan strategik LZNK, manakala lima lagi kumpulan akan memulakan perundingan berkaitan pembangunan anak-anak asnaf, pemerkasaan laman web, perundingan ke arah meningkatkan kutipan zakat padi dan lain-lain perundingan lagi.

"IPIZ selaku sekretariat berkaitan perundingan dan penyelidikan zakat di UUM telah mula menguruskan proses ini sejak 2018.

"Penawaran baharu permohonan geran IPIZ bagi tahun 2020 akan mula dibuka bermula Januari 2020 merangkumi penawaran penyelidikan dan perundingan dan projek perundingan akan bermula pada Mei 2020 bagi tempoh satu tahun," katanya.

Beliau berkata, penyelidik dan perunding disarankan agar menyiapkan kajian mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan penyelidikan yang dijalankan akan dipantau oleh IPIZ dan RIMC.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.